



**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 38(a)
DALAM PERKHIDMATAN AWAM**

Hanya dibukakan bagi pemohon daripada kalangan pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat di Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam sahaja.

**PEGAWAI TUGAS-TUGAS KHAS KANAN
(KUMPULAN 2)
KEMENTERIAN TENAGA
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Surat Pemberitahuan ini hendaklah dibawa kepada pengetahuan serta perhatian semua Pegawai-Pegawai yang layak untuk memohon

Syarat-Syarat Am:

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon adalah dipelawa daripada Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat di Kementerian atau Jabatan-Jabatan Kerajaan sahaja.
- (C) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (D) Bersedia untuk bertugas pada bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana- mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.



**1. PEGAWAI TUGAS-TUGAS KHAS KANAN
KEMENTERIAN TENAGA
KUMPULAN 2 (\$5,400 SEBULAN)
KEKOSONGAN = SATU (01)**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang Undang-Undang (LLB) atau bidang bersesuaian.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.

2. Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan sebagai Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan atau dalam jawatan yang bersesuaian dalam tangga gaji Kumpulan 3 atau sebanding selama tidak kurang dari 3 tahun atau dalam tangga gaji B.3 atau sebanding selama tidak kurang dari 7 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.
3. Hendaklah terlebih dahulu menyediakan **dua (02)** kertas kerja yang asli (*original*) yang memuaskan pihak panel penilaian, berkaitan dengan tugas pegawai tersebut dalam dua (02) daripada bidang-bidang berikut sebagai satu penilaian kenaikan pangkat:
 - i. Kertas Pembaharuan Perkhidmatan Awam.
 - ii. Kertas Kedudukan Pendirian Negara bagi mesyuarat di luar negeri.
 - iii. Kertas Penggubalan / Penelitian Dasar
 - iv. Kertas Kerja yang berkaitan dengan bidang masing-masing.

Kertas Kerja yang telah disediakan hendaklah disahkan terlebih dahulu oleh Setiausaha Tetap atau Ketua Jabatan di Kementerian masing-masing sebelum dihadapkan kepada Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam.

Bagi yang belum mempunyai dua (02) kertas kerja dikehendaki menghadapkan selepas dinaikkan pangkat.

4. Mempunyai Laporan Penilaian Prestasi di tahap sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh 3 tahun kebelakangan.

DI AUTORITI ELEKTRIK NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

1. Bersedia untuk mengetuai mana-mana Unit atau Bahagian yang ada di bawah Autoriti;
2. Melaksanakan tugas berdasarkan kepada peruntukan Perintah Elektrik 2017 dan / atau mana-mana undang-undang atau akta-akta lain yang berkaitan;



3. Bertanggungjawab melaksanakan skop kerja dan tugas yang diamanahkan oleh Ketua Autoriti atau pegawai atasan dari semasa ke semasa, termasuklah juga tugas-tugas yang berkaitan dengan perkara-perkara teknikal dan bukan teknikal, keselamatan dan kompetensi serta pengurusan hal ehwal pentadbiran dan pengoperasian Autoriti dan memastikan sasaran tahunan Autoriti dicapai sesuai dengan perancangan;
4. Merancang, merangka, mencadang dan melaksanakan pelan dan isu strategik, dasar-dasar, pembaharuan dan penambahbaikan, garispandu-garispandu, kod-kod amalan, rangka kerja perlesenan serta penyelidikan-penyelidikan yang berkaitan dengan hal ehwal perundangan dan pengawalseliaan industri bekalan dan penggunaan tenaga elektrik;
5. Membantu Ketua Autoriti atau pegawai yang diberi kuasa dalam melaksanakan penguatkuasaan dan penyiasatan terhadap insiden-insiden yang berkaitan dengan penggunaan tenaga elektrik termasuk juga mengadakan kolaborasi-kolaborasi bersama pihak-pihak penguatkuasaan yang lain;
6. Memastikan peranan Autoriti sentiasa relevan dengan urustadbir serta penguatkuasaan yang berkesan, adil, terbuka, terarah dan mampan sejajar dengan perkembangan dan pembangunan Industri Bekalan Tenaga Elektrik Negara Brunei Darussalam; dan
7. Merancang pembangunan untuk mencapai matlamat, melaksanakan dasar, menyelia semua peranan dalam organisasi, menguruskan kewangan (perancangan kewangan, belanjawan operasi, perakaunan dan audit) dan mengawasi pengurusan pentadbiran untuk organisasi.